

# FUJI MULTIVIT SYRUP WITH LYSINE

Calcium Pantothenate (B15)/Vitamin A/Cyanocobalamin (B12)/Thiamine Hydrochloride (B1)/Pyridoxine Hydrochloride (B6)/Vitamin D3/ Riboflavine (B2)/Niacinamide (B3)/L-lysine (3mg/1000IU/3mcg/1.5mg/1mg/200IU/1.2mg/10mg/50mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fuji Multivit
2. Bagaimana Fuji Multivit berfungsi
3. Sebelum mengambil Fuji Multivit
4. Cara mengambil Fuji Multivit
5. Semasa menggunakan Fuji Multivit
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fuji Multivit
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Fuji Multivit

Sebagai suplemen vitamin dan untuk merangsang selera makan.

## Bagaimana Fuji Multivit berfungsi

Fuji Multivit mengandungi sembilan bahan aktif iaitu Vitamin A, Pyridoxine HCl (B6), Calcium Pantothenate (B15), Thiamine Hydrochloride (B1), Cyanocobalamin (B12), Vitamin D3, Riboflavine (B2), Niacinamide (B3) dan L-lysine. Vitamin-vitamin ini dapat mengelakkan kekurangan vitamin di dalam badan.

## Sebelum menggunakan Fuji Multivit

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini sekiranya anda mempunyai alahan kepada mana-mana bahan yang disenaraikan di dalam risalah ini.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

#### Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara mengambil Fuji Multivit

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Fuji Multivit seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

Dewasa: 10 ml  
Kanak-kanak: 5 ml

### -Bila perlu diambil

Untuk diambil sekali sehari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Fuji Multivit seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian segera.

Pengambilan Fuji Multivit secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- Vitamin A- keletihan, mudah marah, hilang selera makan, kehilangan berat badan, muntah, gangguan gastrousus, demam, kencing berlebihan, pendarahan bibir dan kulit kering.
- Vitamin D- hilang selera makan, keletihan, mual, muntah, cirit-birit, kehilangan berat badan, kencing berlebihan, berpeluh dengan banyak, sakit kepala, keletihan yang melampau, terasa berpusing dan peningkatan tahap kalsium darah.

## Semasa menggunakan Fuji Multivit

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fuji Multivit.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melaninkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Fuji Multivit dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.
- Elakkan terdedah kepada cahaya matahari yang berlebihan.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Fuji Multivit terhadap anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperi semua ubat, Fuji Multivit boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun jarang terjadi apabila digunakan mengikut preskripsi. Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Fuji Multivit

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan pada 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

# FUJI MULTIVIT SYRUP WITH LYSINE

Calcium Pantothenate (B15)/Vitamin A/Cyanocobalamin (B12)/Thiamine Hydrochloride (B1)/Pyridoxine Hydrochloride (B6)/Vitamin D3/ Riboflavine (B2)/Niacinamide (B3)/L-lysine (3mg/1000IU/3mcg/1.5mg/1mg/200IU/1.2mg/10mg/50mg per 5ml)

## Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Larutan berwarna kuning.

### Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Vitamin A (1000IU), Pyridoxine Hydrochloride (B6) (1mg), Calcium Pantothenate (B15) (3mg), Thiamine Hydrochloride (B1) (1.5mg), Cyanocobalamin (B12) (3mcg), Vitamin D3 (200IU), Niacinamide (B3) (10mg), Riboflavine (B2) (1.2mg) dan L-lysine (50mg).

#### - Bahan-bahan tidak aktif

Glycerin, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Orange Flavour, Sodium Saccharin, Spirit Chloroform, Citric Acid Anhydrous, Syrup Simplex dan Deionised water.

### Nombor MAL

MAL19986550X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.

Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park

Phase 4, 11900 Penang,

Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

23/11/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)141117/00316